

Personaliti yang ingin diketengahkan pada edisi MyUniMAP kali ini ialah Encik Mohammad Nuzaihan Md Nor atau lebih dikenali sebagai Aan.

Nama beliau begitu sinonim dengan penyelidikan dan pembangunan bidang Kejuruteraan Nano Elektronik di kalangan warga UniMAP. Bidang ini adalah merupakan kepakaran beliau dan telah menyumbang banyak pingat emas, perak dan gangsa bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah di peringkat antarabangsa dalam bidang penyelidikan. Nama UniMAP juga turut gah dalam bidang kepakaran ini dengan kemudahan makmal nano yang berteknologi tinggi dan terkini. Di samping itu juga beliau terlibat secara aktif dalam Kor HYPERLINK "<http://suksisuum.webs.com/eberita.htm>" Sukarelawan Siswa/Siswi Polis (SUKSIS) UniMAP dan sifatnya yang mudah ramah dan mesra membuatkan beliau antara pemsyarah yang dikenali dan disenangi di kalangan pelajar dan staf.

Anak ke lapan daripada sepuluh orang adik-beradik ini telah dilahirkan di Kg. Terap Serdang, Kedah pada 24 September 1978. Personaliti ini merupakan anak teruna kepada Encik Md Nor Awang yang merupakan seorang pesara jabatan kerajaan dan Allahyarhamah Jamiah Hashim. Apabila disingkap kembali mengenai latarbelakang personaliti ini maka tidak hairanlah beliau telah bergiat aktif dan cemerlang dalam bidang akademik sejak di bangku sekolah lagi. Nuzaihan telah mendapat pendidikan awal di SK Terap, Serdang Kedah manakala peringkat sekolah menengah di Sekolah Menengah Sultan Ahmad Tajudin, Bandar Baharu, Kedah dan Sekolah Menengah Teknik Tunku Abdul Rahman Putra, Pulau Pinang.



Sepanjang berada di peringkat sekolah rendah dan menengah beliau bukan sahaja bergiat aktif di dalam bidang akademik malah bidang kokurikulum. Beliau pernah menerima anugerah Hadiah Akademik Pelajar pada tahun 1994 dan 1995. Selain daripada itu beliau pernah mewakili sekolah dalam apa jua Kuiz Ilmiah seperti Kuiz Agama dan Kuiz Anti Dadah di peringkat Daerah. Siapa sangka beliau juga turut pernah mewakili daerah dalam sukan olahraga. Setelah mendapat keputusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang cemerlang beliau telah melanjutkan pelajaran dalam bidang Diploma Kejuruteraan Elektronik pada tahun 1996 di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) kampus Kuala Lumpur. Setelah menamatkan pengajian dalam bidang Diploma beliau seterusnya melanjutkan pelajaran dalam bidang Ijazah Sarjana Muda dalam bidang yang sama di UTM kampus Skudai Johor. Nuzaihan mula berkhidmat di UniMAP sejak awal penubuhannya lagi sebagai Jurutera Pengajar iaitu pada 15 April 2002 dan merupakan salah seorang staf terawal KUKUM pada masa itu. Sebelum berkhidmat di UniMAP, beliau merupakan staf di Universiti Sains Malaysia (USM) sebagai Pembantu Pengajar. Berbekalkan pengalaman yang ada beliau bersama-sama dengan staf yang lain membangunkan UniMAP sebagai sebuah universiti. Beliau bersama-sama terlibat dalam pembangunan Makmal Bersih dan



Makmal Biochip malah terlibat secara langsung dalam penerimaan pelajar sulung UniMAP pada ketika itu. "Antara pengalaman yang paling tidak dapat saya lupakan ialah sepanjang menjadi Jawatankuasa Orientasi Pelajar Sulung UniMAP atau KUKUM. Susah payah dan penat jerih serta kesibukan yang teramat menjadi kenangan yang paling tidak dapat saya lupakan bersama rakan-rakan sejawatan yang lain pada ketika itu. Kami terpaksa berhempas pulas menyediakan kemudahan dan persekitaran yang terbaik bagi pelajar sulung UniMAP hingga pernah tidur di bawah meja di asrama serta menanam pokok pada waktu malam".

Namun begitu bagi beliau, pengalaman itu sukar dicariganti dan menyebabkan beliau seorang yang begitu menyayangi serta sentiasa bertekad untuk terus memartabatkan nama UniMAP sebagai antara universiti yang terbaik global. Maka tidak hairanlah beliau memilih UniMAP sebagai destinasi pilihan untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Sarjana Sains Kejuruteraan Mikroelektronik dan telah bergraduat tiga tahun yang lalu. Kini beliau merupakan Pemsyarah dan juga Fellow Penyelidik di Institut Kejuruteraan Nano Elektronik (IKNE). Semasa artikel ini ditulis juga beliau dalam proses untuk melanjutkan pelajaran di peringkat PhD dalam masa yang terdekat. Nuzaihan yang sentiasa bertoleransi, mesra dan dalam masa yang sama turut mementingkan disiplin ini sentiasa bercita-cita mahu terus bersama membangunkan UniMAP dan membina kerjaya yang cemerlang. Sumbangan beliau di UniMAP bukan sahaja di peringkat penganjuran acara atau program universiti malah dalam bidang penyelidikan. Beliau telah dilantik menjadi jawatankuasa bagi Istiadat Konvokesyen dan Majlis Suai Kenal UniMAP serta penganjuran persidangan UniMAP seperti RCSSST 09 dan RSM 2003. Antara sumbangan pingat emas penyelidikan beliau ialah di Pameran 'Ideas – Inventions-New Products' di Nuremberg, Germany pada tahun 2007 dengan penyelidikan bertajuk "Silicon Nanowires". Personaliti yang masih bujang ini begitu gemar melukis dan melancong pada masa lapang. Ketrampilan mudah mesra dan raut wajah yang sentiasa memberikan senyuman pula menjadikan beliau begitu istimewa dan mudah didampingi sama ada di kalangan staf mahupun pelajar. Di dalam bidang akademik pula usaha gigih beliau dalam membangunkan bidang kepakaran teknologi nano sentiasa dihormati dan disegani.

"Tun Mahathir Mohamad adalah idola saya kerana jasa Tun membangunkan negara kita Malaysia tiada tolok gantinya. Kebijaksanaan mentadbir negara dan perjuangan beliau untuk mengharumkan nama Malaysia ke persada dunia sentiasa mendorong saya untuk terus berusaha dan berjaya dalam hidup". Pengalaman paling manis dalam hidupnya adalah apabila berpeluang melawat negara-negara luar sepanjang menghadiri persidangan atau pameran di peringkat antarabangsa. Beliau mempunyai impian untuk membangunkan IIKNE menjadi pusat penyelidikan yang tersohor dan disegani bukan sahaja di peringkat kebangsaan malah ke persada antarabangsa.

